




جابتن عالم سڪيترنگري ملاك

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA  
ARAS 19, MENARA PERSEKUTUAN  
JALAN PERSEKUTUAN, HANG TUAH JAYA  
75450 AYER KEROH  
MELAKA



Tel. : 06-234 5720  
Faks : 06-234 5721  
Web : <http://www.doe.gov.my>

Rujukan : ASMK (B) 50/011/100/000 ( )

Tarikh : 17 Ogos 2016

21

Pengurus  
Awan Plasma Sdn Bhd  
Unit 2F-6, 2nd Floor  
Tower 1 @ PFCC, Jalan Puteri 1/2  
Bandar Puteri  
47100 Puchong  
SELANGOR

Tel : 03 - 8051 7335  
Fax : 03 - 8051 6779


Tuan,

**PERMOHONAN PENILAIAN AWAL TAPAK (PAT) BAGI PROJEK PEMBANGUNAN "CADANGAN MENAMBAK LAUT SELUAS 120 EKAR DAN KAWASAN CHALET AIR (TANPA PENAMBAKAN) SELUAS 50 EKAR DI PEKAN KLEBANG SEKSYEN III, MUKIM KLEBANG BESAR, DAERAH MELAKA TENGAH, MELAKA" OLEH AWAN PLASMA SDN. BHD.**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada permohonan tuan yang diterima pada 28 Julai 2016 berkaitan perkara yang tersebut di atas.

- Adalah dimaklumkan aktiviti yang akan dijalankan di tapak cadangan tertakluk di bawah **Jadual Kedua, Aktiviti 7(a), Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015.**
- Sehubungan dengan itu, pemohon hendaklah terlebih dahulu menyediakan **Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling Terperinci (DEIA)** seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan kelulusan Laporan EIA perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum sebarang kerja-kerja di tapak yang dipohon boleh dimulakan.
- Sebarang kerja-kerja ditapak hanya boleh dimulakan selepas laporan DEIA berkenaan diluluskan oleh Ketua Pengarah Alam Sekeliling dan mendapat kelulusan pihak berkuasa yang meluluskan yang berkaitan serta **mengemukakan EMP** untuk ulasan Jabatan ini. Kegagalan untuk mematuhi arahan ini, boleh mendedahkan pihak tuan kepada tindakan undang-undang di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"  
"Environmental Conservation, Our Shared Responsibility"



Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung

Rujukan : ASMK (B) 50/011/100/000 ( )

Tarikh : 17 Ogos 2016

5. Adalah diingatkan bahawa mengikut Seksyen 34A(4)(a), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Ketua Pengarah Alam Kualiti Sekeliling **tidak boleh** meluluskan laporan EIA yang dikemukakan sekiranya penempatan projek di tapak yang dicadangkan ini tidak mengikut rancangan pemajuan atau rancangan fizikal yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan atau penempatan cadangan projek tidak mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan/negeri. **Sehubungan ini, pihak pemaju adalah bertanggungjawab untuk memastikan penempatan cadangan projek di tapak cadangan adalah mengikut rancangan pemajuan atau rancangan fizikal yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan sebelum menyediakan laporan EIA.**

6. Sehubungan dengan itu juga, penilaian mengenai kesesuaian tapak bagi cadangan pembangunan projek ini perlu dimuatkan dalam laporan EIA yang disediakan oleh juruperunding EIA dan surat ini tidak boleh diambilkira sebagai surat ulasan kesesuaian tapak EIA.

7. Di samping penyediaan Laporan DEIA, pemohon juga perlu menjalankan Kajian Hidraulik bagi kawasan tambakan dengan mengmbilkira reka bentuk kawasan penambakan dan **kesan kumulatif** bagi kawasan-kawasan tambakan keseluruhan untuk kelulusan Jabatan Pengairan & Saliran Malaysia bagi menentukan kesesuaian projek termasuk mematuhi keserasian gunatanah dan zon penampian dengan konsep penambakan laut bagi Negeri Melaka. Kajian hidraulik tersebut akan menjadi sebahagian daripada komponen Laporan DEIA.

8. Selain itu, cadangan tambakan ini perlu mengambilkira kesan kumulatif daripada cadangan-cadangan projek tambakan laut yang lain dan yang telah diluluskan berdekatan tapak cadangan dan mengambilkira kesesuaian impak hidraulik daripada projek yang bakal dilaksanakan ini.

9. Pejabat ini juga ingin menarik perhatian tuan berkaitan kesesuaian projek ini dengan keperluan Rancangan Fizikal Negara-2 (RFN-2), Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN), Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan yang telah digunapakai bagi memastikan ianya tidak tersasar dengan objektif dan juga matlamat yang telah digariskan.



Rujukan : ASMK (B) 50/011/100/000 ( )

Tarikh : 17 Ogos 2016

10. Kerjasama tuan di dalam memastikan kualiti alam sekitar terpelihara adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, dimaklumkan. Terima kasih.


**"PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA"**

**"MELAKA MAJU FASA II"**

**"BERKAT, TEPAT, CEPAT"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**( DZURIYATI NOOR BINTI YA'AKUB )**

b.p. Pengarah

Jabatan Alam Sekitar

Negeri Melaka

s.k.  Pengurus

Integrated Envirotech Sdn. Bhd.

Lot 32-2, Jalan Setiawangsa 11A

**Taman Setiawangsa**

**54200 KUALA LUMPUR**

Tel : 03 – 4256 6623

Fax : 03 – 4251 9623

